

NO. SOALAN: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE [ PETALING  
JAYA UTARA ]**

**TARIKH : 21.03.2018 [ RABU ]**

**SOALAN : 39**

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia telah menjalankan siasatan ke atas kes laporan rasuah yang mengaitkan Menteri Besar Johor, Datuk Seri Khaled Nordin. Jika ada, apakah kedudukan siasatan tersebut.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Yang Berhormat,

SPRM telah menyiasat maklumat yang diterima terhadap Menteri Besar Johor, Datuk Seri Khaled Nordin namun mendapati maklumat tersebut tidak berasas.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN : 40**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ANUAR ABD MANAP (SEKIJANG)**

**TARIKH : 21 MAC 2018**

**RUJUKAN : 10604**

**SOALAN :**

**PR-1361-L04850**

**Tuan Anuar Bin Abd Manap [ Sekijang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sejauh manakah keseriusan Kerajaan bagi memperkenalkan pusat pemeriksaan tunggal di Tambak Johor bagi memudahkan urusan keluar masuk antara dua buah negara iaitu Malaysia dan Singapura dan bilakah jangkaan perbincangan lanjut antara Kerajaan kedua-dua buah negara akan dijalankan.**

93

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sentiasa memandang serius usaha menangani kesesakan di Tambak Johor dan LINKEDUA di mana YAB Timbalan Perdana Menteri telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Menangani Kesesakan Tambak Johor dan LINKEDUA pada 6 Februari 2018 dan keputusan mesyuarat berkenaan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 Februari 2018 lalu. Jemaah Menteri telah bersetuju agar Jawatankuasa Khas tersebut dinaiktaraf kepada Pasukan Bertindak Khas (*Special Taskforce*) dan dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan dianggotai oleh semua Kementerian/Jabatan/Agensi berkaitan termasuk Kerajaan Negeri Johor.

Untuk makluman, isu kesesakan ini turut dibincangkan oleh Malaysia dan Singapura di dalam *Joint Ministerial Committee for Iskandar Malaysia* (JMCIM). Sehubungan itu, Pasukan Bertindak Khas akan membincangkan isu-isu di peringkat tertinggi kedua-dua negara bagi memastikan setiap keputusan yang dipersetujui dilaksanakan dengan lebih cepat dan menyeluruh.